# Tidak kisah didenda punca penerokaan

Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**
utusanktn@utusan.com.my

■ **KUANTAN 25 MEI**

PULANGAN lumayan dalam industri pertanian dan denda yang mampu dibayar dikatakan antara punca utama pekebun tidak serik mahupun takut dengan undang-undang untuk meneroka semula kebun haram yang dibersihkan pada fasa pertama Op Gading atau mencari kawasan pencerobohan baharu di Cameron Highlands dekat sini.

Ahli Majlis Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) negeri, Noor Jehan Abu Bakar berkata, berdasarkan kajian akademik, industri pertanian di pusat peranginan itu menjana keuntungan kira-kira RM43 juta setahun yang mendorong pekebun mencari peluang untuk meneroka setiap inci tanah berpotensi di situ bagi tujuan berkenaan.

"Kesan daripada permintaan yang tinggi menyebabkan aktiviti pembukaan tanah pertanian secara haram bertambah dari setahun ke setahun. Para petani juga telah sedia maklum denda yang dikenakan umpamanya sekitar RM10,000 bagi individu mampu dibayar berbanding keuntungan diperoleh.

"Mereka juga dipercayai mengambil kesempatan atas kelonggaran penguatkuasaan pihak berwajib dalam menangani masalah ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan, kegiatan penerokaan tanah secara haram di Cameron Highlands terus berlaku apabila lapan kawasan yang telah dibersihkan pada Op Gading fasa pertama lalu kini diterokai semula.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Seri Alias Ahmad berkata, lapan kawasan itu melibatkan empat di Ringlet, dua di Sungai Mansion dan satu masing-masing di Kampung Lembah Raja serta Bertam.


SPRM GEMPUR CAMERON
19 tauke disyaki rasuah ditahan
Cameron Highlands semakin 'tenat'

MAKIN GONDOL
Lagi aktiviti tarah bukit di Sungai Batu, Teluk Kumbar
- Aktiviti gondol bukit di Pulau Pinang meruncing dan terbaharu libatkan kawasan bukit di Sungai Batu, Teluk Kumbar.
- Kawasan itu mula ditarah sejak beberapa bulan lalu dipercayai bagi pembangunan projek perumahan.
- Gerakan desak kerajaan negeri Pulau Pinang jelaskan status kerja-kerja pemulihan di Bukit Relau yang digondolkan secara haram tiga tahun lalu.
- Ini kerana keluasan pembangunan tanah tanpa kelulusan di situ meningkat kepada kira-kira 24,857 meter persegi.

ASKAR WATANIAH DIKERAH
Gempur peneroka haram di Cameron Highlands
- MKN kerah lima platun Askar Wataniah bantu banteras aktiviti teroka tanah haram di Cameron Highlands.
- Pencerobohan tanah menjadi ancaman paling ketara di situ.
- Pada masa sama operasi banteras PATI turut dijalankan.
- Pegawai Daerah juga diarahkan tanam sejuta pokok dengan kadar segera.

BERITA PENUH DI MUKA 5

**KERATAN akhbar *Utusan Malaysia* tentang pencerobohan tanah di Cameron Highlands.**

Tiga kawasan penerokaan baharu seluas tujuh hektar turut dikenal pasti di Blue Valley dan Lembah Bertam.

Menurut Noor Jehan, MNS memandang serius perkembangan terbaru itu kerana kawasan yang diceroboh berada di tanah tinggi dan kaedah penerokaan lazimnya menolak tanah ke cerun sehingga memasuki sistem saliran sekali gus menjejaskan kualiti air.

"Pembukaan tanah secara haram itu turut mengakibatkan berlaku hakisan pada permukaan yang besar kerana petani tidak menyediakan sistem perparitan yang sempurna atau bersistematik," ujarnya.

Dalam pada itu, Pegawai Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, tindakan maksimum mengikut peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965 perlu dikenakan yang melibatkan denda dan hukuman penjara.

"Pada masa sama, penting menyelaraskan tanggungjawab agensi-agensi terlibat selain menubuhkan jawatan kuasa bertindak antara kerajaan negeri, persekutuan dan agensi-agensinya bagi membolehkan mereka membantu pihak berkuasa di samping menunjukkan bahawa ia adalah telus dan berintegriti," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) negeri, Mazuen Mohd. Taib berkata, hukuman lebih tegas perlu dikenakan kepada peneroka tanah haram kerana penalti sedia ada dilihat terlalu kecil berbanding kesan kerosakan alam sekitar yang dilakukan mereka.

"Umpamanya denda yang dikenakan boleh dinaikkan melebihi 10 kali ganda dan wajibkan hukuman penjara ke atas mereka yang didapati bersalah melakukan penerokaan haram," katanya.